

# Mahathir - Ramos sifatkan persaudaraan ASEAN utuh

# Proton ke Filipina

Daripada  
BADRUL HISHAM ABDUL AZIZ

MANILA 28 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Fidel Ramos, melancarkan Proton Wira di sini malam ini - satu bukti kepada dunia bahawa semangat persaudaraan di kalangan ASEAN bertapak dengan utuhnya.

Perdana Menteri yang menyifatkan pelancaran ini dan pembinaan kilang Proton di Pangasinan esok, sebagai kejayaan Kerjasama Perindustrian ASEAN (AIJV) berharap ia akan membuka lembaran baru yang lebih baik di antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang.

Ramos pula menegaskan bahawa Proton Wira adalah kereta pertama ASEAN dan kerjasama mengeluarkannya di sini, membawa faedah besar bukan sahaja kepada Malaysia dan negaranya, tetapi juga masyarakat serantau.

Sempena pelancaran Wira negara itu, enam model termasuk Aeroback dan limusin pelbagai versi dan enjin bertenaga 1300, 1500 dan 1600 cc menggunakan gear automatik dan manual diperlihatkan kepada umum.

Kira-kira 1,000 pegawai tinggi kerajaan dan ahli perniagaan termasuk bakal pembeli hadir untuk menyaksikan kehadiran Proton Wira itu di Pusat Latihan Perdagangan Filipina.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, dengan semangat persaudaraan ASEAN, Malaysia dan Filipina dapat memajukan industri automotif, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, mencestuskan kekayaan dan menggerakkan kedua-dua negara ke abad 21 dengan kemahiran kejuruteraan yang setanding dengan negara-negara maju.

"Kilang yang akan kita buka bukan sahaja mengeluarkan kereta dan komponennya tetapi juga merangsang industri-

## Proton ke Filipina

industri sokongan dan perniagaan lain yang berkaitan," ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia memandang tinggi terhadap usaha pengindustrian Filipina menjelang tahun 2000 dan berharap dapat membantu ke arah pentapaiannya.

Beliau juga berharap kerjasama ini (melalui Proton Pilipinas Corporations yang akan membuka kilang Proton di sini) akan memberi sumbangan berguna dalam mengukuhkan lagi semangat persaudaraan ASEAN yang sudahpun melupakan segala bentuk persengketaan di rantau ini.

"Perjuangan dan keyakinan selama ini telah berjaya membawa kemerdekaan kepada negara dan rakyat kita.

Namun, perjuangan kita tidak berakhir di situ. Kelemahan-kelemahan ekonomi dan lain-lain menyebabkan kita dikongkong oleh pihak yang lebih berkuasa," tegasnya.

Katanya, walaupun cara mengatasi masalah itu tidaklah mudah, tetapi kejayaan tetap menunggu pihak yang berusaha.

"Kita yakin rakyat Filipina dan Malaysia boleh berkongsi jalan untuk mencari kejayaan itu," katanya.

Beliau menegaskan, kejayaan Malaysia menghasilkan Proton adalah satu bukti kesungguhan yang sehingga kini berjaya menjadi kereta utama negara dengan penjualan menjangkau lebih 100,000 tahun lalu dan 20,000 lagi dieksport.

"Ia dieksport ke 18 buah negara dengan memberi pilihan untuk mendapatkan kereta yang baik dan mampu pula dibeli di

samping membuktikan kereta ASEAN dapat bersaing dengan kereta terbaik dunia," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Ramos pula dalam ucapannya berkata, kehadiran Proton di negaranya adalah hasil iltizam kedua-dua negara yang telah menggabungkan unsur-unsur kemanusiaan, kewangan dan sumber asli serta teknologinya.

Katanya, perbincangan dan rancangan awal hingga terlaksananya kerjasama menghasilkan Proton ini hanya mengambil masa dua tahun kerana pihak-pihak swasta berkaitan di kedua-dua negara telah bekerja keras menjayakannya.

## Perbincangan

"Kita telah membuktikan bahawa mempunyai rakan kongsi ekonomi di antara kita membuahkan faedah bersama, apatah lagi kita memberi penuh kepercayaan terhadap penyertaan sektor swasta," kata Ramos.

Beliau berkata, dengan adanya kilang Proton di sini, membuka jalan baginya untuk mengeksport Proton siap dipasang (CBU) di samping mencergaskan industri pengeluaran enjin, transmisi dan komponen-komponen lain.

"Operasi Proton di sini akan meluaskan kemampuan industri kami dan menceraikan lagi prospek pemodenan Filipina.

"Inilah bukti perpaduan ASEAN, kerjasama ASEAN dan kebangsaan ASEAN," tegasnya sambil mendoakan Proton akan terus berjaya. — Utusan